



SIARAN AKHBAR
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

1. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) memaklumkan bahawa bermula hari Isnin, 29hb., Safar 1444 bersamaan 26hb., September 2022, kaunter-kaunter perkhidmatan di Bahagian Dokumen Perjalanan dan Bahagian Kad Pengenalan adalah berikut: -

DOKUMEN PERJALANAN, IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

- 1.1 Kaunter perkhidmatan pendaftaran Dokumen Perjalanan: -
 - Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula pada jam 7:00 pagi hingga 7:00 malam;
 - Hari Jumaat bermula pada jam 8:00 pagi hingga 11:00 pagi;
 - Kaunter-kaunter perkhidmatan khas termasuk warga emas yang berumur 60 tahun ke atas akan bermula pada jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang dan ditempatkan di Tingkat 3, Ibu Pejabat JIPK.
- 1.2 Kaunter perkhidmatan pengambilan (*collection*) Dokumen Perjalanan: -
 - Tempat pengambilan Dokumen Perjalanan adalah di aras bawah Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang;
 - Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula pada jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang;
 - Hari Jumaat bermula 8:00 pagi hingga 11:00 pagi.
- 1.3 Manakala waktu operasi bagi kaunter perkhidmatan pendaftaran dan kaunter perkhidmatan pengambilan Dokumen Perjalanan di Pejabat-Pejabat Cawangan Kuala Belait, Tutong dan Temburong adalah seperti berikut:
 - Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula pada jam 8:00 pagi hingga 12:00 tengahari dan jam 1:45 petang hingga 4:00 petang;
 - Hari Jumaat pada jam 8:00 pagi hingga 11:00 pagi.
- 1.4 Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak perlu hadir terlalu awal untuk mendapatkan nombor giliran masing-masing memandangkan kaunter perkhidmatan di Bahagian Dokumen Perjalanan dibukakan selama 12 jam bermula esok.



KAD PENGENALAN

2. Manakala Bahagian Kad Pengenalan pula, kaunter perkhidmatan pendaftaran dan pengambilan Kad Pengenalan akan mula dibukakan pada setiap hari Jumaat di semua Pejabat Cawangan, JIPK bermula pada hari Jumaat, 4hb., Rabiulawal 1444 bersamaan dengan 30hb., September 2022, bermula pada jam 8:00 pagi hingga 11:00 pagi.
3. JIPK sukacita menasihatkan kepada orang ramai untuk melengkapkan borang permohonan dan membawa dokumen-dokumen berkaitan yang diperlukan bagi melancarkan proses pendaftaran. Adalah juga diperingatkan untuk memastikan kesemua individu yang hendak membuat permohonan samada di Bahagian Dokumen Perjalanan dan / atau Bahagian Kad Pengenalan untuk menghadiri diri semasa pengambilan nombor giliran diberikan.
4. Borang-borang Pendaftaran boleh dimuat turun melalui laman sesawang JIPK www.immigration.gov.bn.
5. Untuk sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi melalui emel info@immigration.gov.bn.

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tarikh : 28 Safar 1444H / 25 September 2022M
Rujukan : IMM/PPA/PRO/13/Pt2